

**Lebih RM250 juta untuk pembangunan di Beauford – PM**  
**Utusan Online**  
**14 Februari, 2013**  
**Oleh HISYAMUDDIN AYUB**

KOTA KINABALU 14 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan beberapa peruntukan bagi memberi keselesaan kepada penduduk di Beauford termasuk cadangan membina sebuah Kolej Islam di daerah itu.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM226 juta disediakan untuk membina loji air di daerah itu bagi mengatasi masalah mendapatkan bekalan air bersih.

Selain itu kata beliau, dana berjumlah RM49 juta turut disediakan bagi menggantikan paip air yang bermula dari Limbawang sehingga ke Kayul, dekat sini.

"Saya juga bersetuju dengan cadangan Ketua Menteri untuk mempertimbangkan cadangan membina sebuah Kolej Islam di sini," katanya ketika berucap dalam Majlis Bersama Rakyat Beauford, di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130214/dn\\_17/Lebih-RM250-juta-untuk-pembangunan-di-Beauford---PM](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130214/dn_17/Lebih-RM250-juta-untuk-pembangunan-di-Beauford---PM)